



EON Inspirasi

Mohammad Nasrul

Breast Cancer

Are Men at Risk?

Men vs Women

A Genetic Perspective

Outdoor

Recreation

Trends among Youth

From Jogging

to Ka-Ching!



ISSN 2773-5869



9 772773 586005



Misi Topi Bulat

Impian Topi Bulat

Oleh
SITI NORAZURA JAMAL

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

norazura6775@uitm.edu.my

EDITOR: NURSYAZNI ABDUL RAHIM



Jom aku nak cerita sedikit perjalanan aku dalam usaha mendapatkan PhD pada usia sebelum menjangkau usia 40 tahun. Inshaallah!

Impian... Kenyataan...

Aku pernah letak satu azam ketika mula-mula masuk bekerja di UiTM ini dahulu dalam tahun 2013, yang aku akan sambung PhD hanya setelah beberapa tahun aku berkhidmat di sini. Tapi apakan daya, Allah itu benar sebaik-baik perancang, bukan?

Pada tahun 2018, aku lihat ramai kawan-kawan yang sudah pergi menyambung pengajian PhD mereka. Mulalah aku terfikir-fikir, masa aku bila pula?

Jadi, aku pun mula membuat pencarian menggunakan enjin carian Google tentang apa yang aku rasa berkaitan. Hati masih berbisik-bisik, "Bolehkah aku? Macam susah aje, sudahlah aku ini lama juga tidak menjadi pelajar."

Lantas aku terus mendapatkan insan yang memang sentiasa menenangkan dan butir katanya selalu memberi aku ilham untuk membuat sebarang keputusan, Encik Suami tersayang. "Bolehkah saya meneruskan niat sambung belajar ini? Mampukah saya?"

"Saya semestinya menyokong sayang dalam setiap langkah. Selangkah sayang mengejar impian, sejuta kali saya memberi galakan!", balas suami aku. Alhamdulillah!

Akhirnya setelah tujuh tahun aku berkhidmat di UiTM, aku dapat peluang keemasan ini. Bonusnya, aku mendapat peluang itu beserta restu dan izin suami tercinta!

Pada tahun 2020, Yang Maha Esa telah kabulkan doa aku untuk mendaftarkan diri sebagai pelajar PhD di UPM dengan tajaan biasiswa luar daripada Southeast Asean Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA) sebelum aku berusia 40 tahun. Hati mana yang tidak seronok! Bercuti belajar, bergaji penuh dengan tajaan...

"Ini rezeki anak aku ni, aku tumpang aje!" Bisik hati kecil aku yang berbunga-bunga.

Permulaan...

2020. Bermulalah hidupku sebagai seorang pelajar PhD di Fakulti Bioteknologi dan Biomolekular Sains di UPM. Penyelia PhD yang aku pilih ialah Dr. Dhilia Udie Lamasudin. Sebab aku memilih beliau adalah kerana mutu kerjanya yang bagus dan beliau sangat berdedikasi dalam apa juga kerja yang diberikan. Aku jumpa beliau di pejabat, beliau sambut dengan baik cadangan dan rancangan pengajian aku. Lega. Maklumlah, aku perlu balik semula ke UiTM tercinta pada Oktober 2023, semestinyai perancangan aku harus 'muat' dengan tempoh belajar yang diberikan.

Aku mula masuk ke makmal dan mengumpul sampel penyelidikan yang diperlukan. Sampel penyelidikan aku kali ini sangat menarik. Aku menggunakan sampel "*shipworms*" iaitu haiwan bercengkerang yang hidup di dalam kayu bakau yang mati.

Aku harus mengkaji kompaun yang dapat mengawal penyakit padi. Dengan sokongan dan bantuan penduduk tempatan serta orang asli, aku dan pasukan penyelidikan meredah paya bakau di Kawasan Pulau Carey untuk mengambil sampel.

Mungkin nasib aku kali ini baik, musim memang sangat bersesuaian untuk rancangan aku. Jadi, memang banyak betul sampel yang aku dapat. Lepas kumpul sampel, kami pergi pula membeli hasil laut tempatan yang banyak dijual di sepanjang jalan.

Seronok betul aku ketika itu! Ini sememangnya merupakan pengalaman yang menarik dan tidak dapat aku lupakan.



Gambar 1. Program pengumpulan sampel di Pulau Carey

Gelombang kedua

Sewaktu permulaan pengajianku, Malaysia masih belum merdeka daripada COVID-19. Aku diwajibkan mengambil beberapa subjek sewaktu awal pengajian ini yang dijalankan secara online. Kertas cadangan (*Proposal*) harus disiapkan dan dibentangkan pada akhir semester pertama. Perjalanan awal semester pertama ini berjalan dengan lancar. Alhamdulillah, aku lulus *proposal defence* dengan jayanya.

PKPP di seluruh negara dilanjutkan lagi mulai 1 Jan hingga 31 Mac 2021. UPM tidak membenarkan pelajar yang duduk melebihi radius 10 km daripada UPM masuk tanpa kebenaran untuk menjalankan kerja-kerja makmal. Fuh... Aku kaget. Aku baru sahaja seronok dan bersemangat hendak memulakan kerja-kerja makmal. Namun apalah daya aku. Peraturan yang telah ditetapkan harus aku patuhi. Masa terluang menjadi banyak. Aku tidak mahu duduk saja-saja. Bukan cara aku begitu! Lalu aku banyakkann membaca serta melibatkan diri dengan bengkel-bengkel kemahiran dan penulisan secara atas talian.

Bangkit!

Selamat datang Azura ke makmal!

Ya begitulah! Semangat aku membara-selepas raya untuk pulun dan masuk terus ke 'gear 5' sebab aku tidak mahu bertanggung-tanggung lagi! Bangun seawal jam lima pagi, uruskan Adam, anak sulung kesayangan, "cinta pertamaku" dan terus ke UPM sesudah itu. Dari pagi sehinggalah petang menjelang. Penat itu memanglah, hanya Allah saja yang tahu. Tapi semangat itu yang penting. Hari-hari aku tidak putus berdoa agar dipertemukan dengan mereka yang dapat menyenangkan kerja aku dari segala sudut.

Alhamdulillah. Keputusan ujian memihak kepada aku setelah berkali-kali percubaan. "Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?" - Ar-Rahman.

Si pipi merah...

Tanpa dirancang, tiba-tiba si pipi merah pula muncul. Rezeki yang Allah kurniakan kepada kami suami isteri dalam perjalanan mengejar topi bulat aku ini. Allah nak bagi teman agaknya, ya? Si kecil dalam rahim aku ini, aku kendong hari-hari ke makmal, merentas negeri, merentas hujan, merentas pelajar-pelajar muda yang beratur beli makanan... hehe!

"Kakak okey? Jangan jalan laju sangat tau!" "Kakak dah makan? Jangan lupa makan ya"

Ini lah yang selalu adik-adik makmal ucapkan sewaktu aku mengandung. Terima kasih adik-adik yang prihatin!



Gambar 2. Bersama rakan makmal

Sebulan sebelum tarikh kelahiran, aku sudah tidak pergi ke makmal dan hanya bertumpu kepada penulisan. Ini kerana aku sebenarnya bimbang akan kesihatan aku sendiri, dan semestinya si pipi merah.

Tanggal 25 Julai 2022, 10.14 Pagi, lahirlah si pipi merah yang diberi nama "Nuh".



Gambar 3. Kelahiran si pipi merah

Masa terus berjalan...

Hampir setiap 1-2 jam, Nuh bangun hendak menyusu. Tangisan dia, aku rasa satu Taman Kiambang Indah ini boleh dengar dan hampir dua bulan juga aku tidak sentuh satu pun kerja PhD aku. Tak apa, aku fokus pada Nuh dulu. Lepas habis pantang, aku terus ke makmal dan terus tekan gear 5 sekali lagi.

Perjuangan harus diteruskan.

Oktober 2022... artikel penyelidikan aku yang pertama telah diterbitkan di *Malaysian Journal of Microbiology* diikuti dengan artikel kedua yang telah diterbitkan di *Malaysian Journal of Biochemistry & Molecular Biology* pada Disember 2022. Nampaknya 2022 diakhiri dengan sesuatu yang indah. Syukur.

2023

Jam di dinding terus berdetak... Ya, lagi beberapa bulan aku akan lapor diri di UiTM Kuala Pilah semula. Kerja makmal masih belum selesai, penulisan pun masih banyak yang harus diperbaiki, artikel penyelidikan ada lagi yang belum di hantar ke penerbit. Hati mula resah, gelisah. Mak aku selalu berpesan, kalau rasa tak tenang, amalkan baca Surah Al-Insyirah.

Ayat lima yang bermaksud "Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan".

Aku percaya, perjalanan ini tidak mudah. Niat yang betul dan hubungan dengan Allah wajib dijaga. Memiliki suami yang sangat-sangat memahami, yang merestui dan mendoakan aku pun satu anugerah bagi aku. Hari-hari aku cakap dengan Adam dan Nuh untuk doakan perjalanan PhD mommy. Walaupun mereka masih tidak tahu apa-apa, tapi merekalah sumber kekuatan aku.

Restu serta doa dari mereka memang sangat aku perlukan. Selain itu, diri ini sendiri pun harus disiplin dan bekerja keras dalam memperbanyakkan ilmu dalam kemahiran penyelidikan.



Gambar 4. Sumber kekuatan Mommy

Perjuangan yang belum selesai!

Aku akui aku memiliki banyak kelemahan, namun aku tidak menangisnya, sebaliknya ia memanasifestasikan betapa ALLAH itu hampir dengan aku. Sengaja diciptakan kelemahan agar aku sentiasa memandang-NYA.

Aku bukanlah yang terbaik, tetapi aku adalah hamba TUHAN Yang Maha Sempurna. Dalam merancang kehidupan ini, aku amat percaya dengan firman ALLAH SWT:

"Boleh jadi kamu benci kepada sesuatu perkara, padahal ia adalah baik untuk kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu perkara padahal ia buruk kepada kamu. dan (ingatlah), ALLAH jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya." [Al Baqarah: 216].